

Bimbang banjir besar berulang

Masalah longgokan pokok sekat aliran sungai berlarutan sejak dua bulan

KUALA PILAH – Penduduk Kampung Temeris, di sini, bimbang apabila pelbagai jenis pokok dibuang ke dalam sungai Muar di Kuala Jelai sekali gus menyebabkan aliran air sungai tersekat.

Masalah berkenaan sudah berlarutan sejak dua bulan lalu apabila pihak tidak bertanggungjawab dipercayai menebang lebih 1,000 pokok pelbagai jenis di tepi tebing dan mencampakkannya ke dalam sungai.

Penduduk, Zahari Hashim, 45, berkata, masalah terbabit dikesan akhir Disember lalu ketika dia pergi memancing di sungai berkenaan.

“Orang kampung sering memancing di sungai Muar. Namun sejak kebelakangan ini, kami nampak banyak longgokan pokok di sepanjang satu kilometer hingga menyebab-

kan air sungai tersekat,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, dia mahu masalah berkenaan dapat diselesaikan segera kerana Kampung Temeris pernah dilanda banjir hingga ke paras pinggang beberapa tahun lalu.

“Saya tak mahu penduduk jadi mangsa kerakusan pihak lain. Bila aliran air tersekat, paras sungai akan meningkat hingga boleh mengundang kepada banjir kilat.

“Di sini, kawasannya agak rendah, bila hujan lebat tanpa henti selama lebih tiga jam, banjir akan berlaku. Kami tak mahu sejarah itu berulang kembali,” katanya.

Zahari turut menzahirkan kebimbangan apabila aliran sungai di bawah jambatan berhampiran tersekat dengan longgokan sampah dan kayu



Longgokan pokok dibuang ke dalam sungai Muar menyebabkan aliran air sungai tersekat.

yang dikhuatiri akan menjejaskan strukturnya.

Ujarnya lagi, Jabatan Pengairan Sungai (JPS) pada Disember lalu telah melaku-

kan kerja-kerja pembersihan di sungai Temeris.

“Saya ucap terima kasih kepada JPS kerana telah melaksanakan

tanggungjawabnya.

“Namun gara-gara pihak yang tidak bertanggungjawab, sungai Muar di Kuala Jelai pula ditimpa masalah setelah

dipenuhi longgokan pokok hingga mengganggu aliran sungai,” katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Jeram Padang, Rosli Ahmad, 43, turut meluahkan kekecewaan terhadap sikap pihak berkenaan yang sambil lewa dan lepas tangan.

“Jika pihak berkenaan mahu menebang pokok di tepi sungai, mereka boleh tebang tetapi perlulah buang pokok itu di tempat lain bukan mengambil jalan singkat membuang ke dalam sungai.

“Bila ia berlaku, sungai semakin kecil kerana longgokan pokok menghalang aliran sungai. Kami pun hendak memancing sudah terganggu gara-gara masalah ini,” katanya mahu pihak berkaitan mengambil berat perkara itu bagi mengelakkan bencana buruk berlaku.